



Heutagogy dan Jukebox

Mereka bentuk semula pendidikan tinggi di Malaysia

Tahun 2016 merupakan tahun bersejarah buat pendidikan tinggi negara. Universiti awam (UA) di Malaysia terus menunjukkan peningkatan dalam *QS World University Rankings*, dan universiti penyelidikan Malaysia (RU) merupakan *Top 1% in the world* dengan Universiti Malaya (UM) mendahului di tangga ke-133. Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) juga menunjukkan peningkatan dalam ranking dunia.

Selain ranking dan kejayaan merentasi pelbagai bidang berkepentingan, daripada penyelidikan kepada penerbitan, kolaborasi industri, pensyarah dan penyelidik, mahasiswa dan alumni, pendidikan tinggi Malaysia sememangnya telah menggapai pencapaian yang lebih hebat dan tinggi.

Sejak pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) pada April 2015, kita telah memulakan satu pengembaraan dengan harapan yang tinggi untuk mereka bentuk semula pendidikan tinggi negara. Kerana itu Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh telah memilih slogan *Mereka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi (Redesigning Higher Education)* sebagai tema amanat pada 2017.

Antara amanat beliau menyebut perihal pelajar sekarang yang tidak mampu belajar secara sendiri atau disebut *Heutagogy* seperti pelajar

masa dahulu.

Pendekatan *Heutagogy* membolehkan pelajar belajar mengikut minat, keperluan, tahap kemampuan dan gaya pembelajaran mereka. Pelajar juga mendapat maklum balas tentang pencapaian dan kemajuan mereka melalui pembelajaran akses sendiri.

Pada amnya diakui bahawa pelajar perlu proaktif dalam proses pembelajaran. Pelajar tidak seharusnya pasif dan hanya memberi respons kepada rangsangan pensyarah. Sebaliknya, pelajar sendiri harus menjana idea dan memberi peluang belajar. Pemikiran baru dalam bidang pengajaran dan pembelajaran mendapati bahawa pelajar boleh bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Pensyarah pula berfungsi sebagai fasilitator, jurulatih dan pemangkin (*catalyst*). Pensyarah memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar memperoleh kemahiran diperlukan dan teknik belajar. Pendekatan *Heutagogy* dibentuk untuk menggalakkan pembelajaran sendiri agar pelajar mempunyai autonomi dan bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri dengan menyedari bahawa mereka adalah individu yang mempunyai minat, kemampuan, gaya dan rentak pembelajaran berbeza.

Satu lagi konsep yang

diutarakan Menteri Pendidikan Tinggi di dalam amanatnya ialah konsep pembelajaran *Jukebox*. UTM terpilih sebagai perintis Program Mobiliti Global berkonsepkan *Jukebox* yang memberi peluang kepada pelajar melalui pengalaman belajar sambil menghayati budaya di universiti luar negara. Program ini turut membabitkan lima universiti luar negara iaitu Universiti Tsukuba, Jepun; Taiwan National University, Taiwan; Universiti Bordeaux, Jerman; Universiti Sao Paulo, Brazil dan Universiti California Irvine di Amerika Syarikat.

Konsep *Jukebox* adalah proses pembelajaran merentasi sempadan. Menerusi konsep ini, pelajar berpeluang mengharungi pengalaman

hidup di luar negara, membabitkan beberapa universiti berlainan negara.

Konsep ini dapat memacu inovasi dalam sistem pendidikan tinggi negara pada masa akan datang. Konsep *Jukebox* juga membolehkan pelajar memilih subjek bersesuaian dengan pengajian di satu universiti terbabit tanpa memerlukan pemindahan kredit. Pelajar kini berpeluang mengikuti pengajian di universiti luar negara antara enam hingga 12 bulan dan perlu mengambil jumlah subjek tidak kurang dari 10 jam.

Dengan inisiatif tahun lalu yang kini membuahkan hasil, dan dengan agenda *Mereka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi* yang sedang mara ke hadapan, kita melihat bahawa sistem pendidikan tinggi kita sedang melonjak naik dan sudah pasti mampu menjadi antara yang terbaik di dunia.

Apa yang diharapkan, agar seluruh warga pendidik dapat memulakan langkah untuk mereka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran supaya lebih imersif, memastikan mahasiswa dapat dibentuk secara seimbang dan holistik, penyelidik dapat menterjemahkan penyelidikan demi masyarakat, industri dapat menyumbang kepakaran. Kesemua ini mampu dipertingkatkan dengan asimilasi teknologi dan modal insan yang proaktif. Pelaksanaan ini juga perlu dibuat dengan penuh integriti dan etika agar perkhidmatan kita akan mendapat keberkatan-Nya.

Oleh:

Dr Nurkhamimi Zainuddin
Timbalan Pengarah, GOAL ITQAN
Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)



Foto: 123RF.COM